

Bayi, kanak-kanak berisiko tinggi terdedah pada komplikasi lebih serius

Oleh Ahmad Suhael Adnan

ahmad.suhael@bh.com.my

Kes demi kes dilaporkan bayi serta kanak-kanak menjadi sasaran wabak Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) yang kini kembali mengancam golongan itu selepas hampir dua tahun penyakit itu seolah-olah 'bebas' daripada penularan sepanjang pandemik.

Kesan jangka panjang HFMD bukan kepalang, iaitu boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuk perkembangan lambat atau sawan dan keadaan kesihatan semakin merosot.

Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik Columbia Asia Hospital - Puchong, Dr Jasvinder Kaur, berkata lebih parah komplikasi ensefalitis akan menyebabkan tahap kesedaran pesakit berkurangan dan boleh mengalami sawan.

"Bagi pesakit mengalami miokarditis, rentak jantung mereka akan menjadi tidak stabil, sama ada terlalu rendah atau tinggi, yang menjejaskan fungsi jantung serta menyebabkan komplikasi lain seperti air di keliling jantung atau jangkitan kuman dalam jantung.

"Pesakit memerlukan rawatan intensif dan pada kebanyakan masa, mereka memerlukan ubat-ubatan untuk menaikkan tekanan darah supaya tekanan itu lebih stabil dan mengawal keradangan selaput jantung," katanya.

Setakat 25 Mei lalu, Kementerian

HFMD penyakit berulang



Kesihatan (KKM) merekodkan lebih 60,000 kes HFMD sejak awal tahun ini, peningkatan 24 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu ketika pandemik COVID-19.

Golongan berisiko tinggi

Pesakit HFMD majoritinya membabitkan gejala ringan.

Antara gejala itu termasuk demam, sakit tekak, ulser dalam mulut dan tekak, serta ruam dan lepuh di kaki, tangan serta mulut.

Dr Jasvinder menjelaskan risiko lain adalah dehidrasi kerap berlaku apabila kanak-kanak dijangkiti HFMD tidak boleh makan atau minum kerana terdapat berpuluh ulser di dalam mulut, sekali gus perlu dimasukkan ke wad untuk dimasukkan air ke dalam badan.

Pesakit HFMD tertentu, khususnya kanak-kanak yang memiliki komorbiditi atau terdiri daripada golongan berisiko tinggi, terdedah pada komplikasi lebih serius.

"Kadang-kala, virus menyebabkan jangkitan HFMD boleh menyerang otak kanak-kanak dan menyebabkan ensefalitis, iaitu radang otak.

"Virus HFMD ini juga berisiko

menyebabkan miokarditis pada pesakit, iaitu radang otot jantung.

"Sekiranya komplikasi ini berlaku pada pesakit yang kebanyakannya kanak-kanak, ia yang memudaratkan keadaan mereka. Namun, kedua-dua komplikasi ini jarang berlaku," katanya.

Penyakit boleh berulang

Wabak ini boleh berlaku disebabkan beberapa jenis virus, namun lazimnya jangkitan di Malaysia disebabkan oleh dua virus utama iaitu Coxsackie A16 (CA16), Cocksackie A6 (CA6) dan Enterovirus 71 (EV71).

EV71 disahkan sebagai punca 29 kes kematian pesakit HFMD di Sarawak pada 1997.

Sehubungan itu, beliau menggesa ibu bapa lebih peka dengan risiko jangkitan HFMD memandangkan virus itu boleh menjangkiti pesakit berulang kali, khususnya dalam kalangan kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah.

Ibu bapa perlu patuh arahan kuarantin sekiranya anak disahkan menghidap HFMD, dengan tempoh kuarantin kebiasaan diberikan

adalah selama tujuh hari.

"Lebih penting, walaupun tempoh kuarantin selama tujuh hari sudah berakhir, virus menyebabkan HFMD masih boleh berjangkit untuk beberapa minggu hingga sebulan, walaupun ia bertukar lemah.

"Ini bermakna kanak-kanak dijangkiti HFMD selepas tujuh hari masih berisiko menyebarkannya kepada kanak-kanak lain, dan ini antara punca banyaj kes HFMD direkodkan setiap hari di hospital ketika ini," katanya.

Jaga kebersihan persekitaran

Dr Jasvinder menggesa ibu bapa kerap mencuci tangan dan menukar baju sebaik pulang dari tempat kerja, memandangkan orang dewasa berisiko menjadi pembawa virus itu dan menyebarkannya anak-anak.

"KKM boleh memperbaiki prosedur operasi standard (SOP) jangkitan HFMD dengan segera mengarahkan penutupan operasi Taska dan Tadika jika terdapat satu kes HFMD disahkan, selain premis dibersihkan dengan teliti dan kerap," katanya.